



SOP LAWATAN MASUK KE MALAYSIA OLEH DELEGASI ASING

PRA-LAWATAN

Perkara yang perlu dilaksanakan

- ✓ Kelulusan YAB Perdana Menteri diperlukan untuk lawatan kerja rasmi.
- ✓ Mendapatkan ulasan daripada Kementerian Luar Negeri.
- ✓ Mewajibkan pelaksanaan ujian saringan COVID-19 untuk delegasi asing.
- ✓ Digalakkan menggunakan *chartered flight* untuk semua delegasi.
- ✓ Mewajibkan seorang wakil delegasi memuat turun aplikasi MySejahtera bagi mewakili semua delegasi.
- ✓ Menghadkan jumlah ahli delegasi lawatan.

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Delegasi menaiki penerbangan dari negara ketiga khususnya dari negara yang dilarang memasuki Malaysia.
- ✓ Mempunyai gejala dan simptom COVID-19 sebelum ke Malaysia.
- ✓ Membawa delegasi yang melebihi jumlah yang ditetapkan.

Arahan Tetap

- ✓ Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).
- ✓ Arahan semasa selaras dengan KKM dan MKN.
- ✓ Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).

Penerangan Aktiviti Pra Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Kelulusan YAB Perdana Menteri diperlukan untuk lawatan kerja rasmi.	• Kementerian atau agensi yang terlibat hendaklah menyediakan minit kepada kepada YAB Perdana Menteri yang memperincikan tujuan, justifikasi, program serta situasi COVID-19 negara asal delegasi.
2. Mendapatkan ulasan daripada Kementerian Luar Negeri.	• Semua Kementerian atau agensi yang terlibat perlu mendapatkan ulasan daripada Kementerian Luar Negeri sebelum minit khas tersebut dikemukakan kepada YAB Perdana Menteri terhadap lawatan tersebut.
3. Mewajibkan pelaksanaan ujian saringan COVID-19 untuk delegasi asing.	• Delegasi digalakkan untuk membuat ujian COVID-19 di negara asal 3 hari sebelum bertolak dan keputusan ujian dikongsikan semasa permohonan kelulusan kemasukan diplomatik. • Delegasi juga mesti dimaklumkan bahawa mereka masih diwajibkan menjalani Ujian COVID-19 (RTK Antigen) di pintu masuk Malaysia bagi memastikan delegasi tidak mempunyai simptom atau gejala. • Pengecualian pelaksanaan ujian tersebut hanya boleh diberikan oleh YAB Perdana Menteri jika terdapat keperluan.
4. Digalakkan menggunakan <i>chartered flight</i> untuk semua delegasi.	• Permohonan kelulusan diplomatik pesawat perlu dikemukakan tiga (3) hari sebelum ketibaan. • Delegasi digalakkan menggunakan <i>chartered flight</i> bagi tujuan kawalan dan protokol yang lebih rapi. • Sekiranya ada delegasi menaiki pesawat komersial bersama penumpang biasa yang lain, proses saringan kesihatan perlulah dibuat secara berasingan.
5. Mewajibkan seorang wakil delegasi memuat turun aplikasi MySejahtera bagi mewakili semua delegasi.	• Kementerian atau agensi yang terlibat perlu memastikan seorang wakil delegasi untuk mendaftar delegasi rasmi yang akan terlibat bermulanya di balai ketibaan sehingga tamat lawatan untuk pengimbasan QR code Mysejahtera.
6. Menghadkan jumlah delegasi yang akan terlibat dalam lawatan.	• Bagi delegasi yang diketuai oleh Ketua Negara/Kerajaan, jumlah delegasi hendaklah tidak melebihi 50 orang. • Bagi delegasi yang diketuai oleh Menteri atau Timbalan Menteri, jumlah delegasi hendaklah tidak melebihi 25 orang. • Sekiranya bilangan delegasi rasmi melebihi jumlah ini, agensi berkaitan perlu mendapatkan kelulusan Mesyuarat Menteri-Menteri Mengenai Perintah Kawalan Pergerakan. • Kemasukan ahli delegasi yang memegang passport negara ketiga boleh dibenarkan dengan mematuhi prosedur imigresen semasa yang berkuat kuasa.



SOP LAWATAN MASUK KE MALAYSIA OLEH DELEGASI ASING

SEMASA LAWATAN

Aktiviti yang dibenarkan

- ✓ Menjalani ujian saringan COVID-19 di tempat yang digazetkan oleh KKM di KLIA/KLIA 2 kecuali ketua delegasi bertaraf Timbalan Menteri dan ke atas sahaja
- ✓ Tidak dibenarkan menggunakan pengangkutan awam sepanjang lawatan
- ✓ Mewajibkan pemakaian pelitup muka dan penggunaan *hand sanitizer* kepada semua delegasi
- ✓ Menghadkan pergerakan dengan mengadakan pertemuan di lokasi-lokasi yang ditentukan sahaja dan mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang lawatan
- ✓ Pemeriksaan suhu badan di lokasi yang dilawati
- ✓ Wakil delegasi untuk membuat pengimbasan QR code

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Tidak mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan termasuk perintah kuarantin oleh pemimpin/pembesar/delegasi asing sekiranya didapati positif COVID-19
- ✓ Menggunakan pengangkutan awam
- ✓ Berhimpun dan berkerumun beramai-ramai tanpa penjarakan fizikal
- ✓ Mengadakan program luar daripada lokasi yang ditentukan

Arahan Tetap

- ✓ Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).
- ✓ Arahan semasa selaras dengan KKM dan MKN.
- ✓ Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).

Penerangan Aktiviti Semasa Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Menjalani ujian saringan COVID-19 di tempat yang ditetapkan oleh KKM di pintu masuk antarabangsa kecuali ketua delegasi bertaraf Timbalan Menteri dan ke atas sahaja.	<ul style="list-style-type: none"> • Delegasi rasmi yang tiba di KLIA/KLIA2/balai ketibaan perlu ke pusat pengasingan sementara bagi tujuan saringan kesihatan oleh KKM. • Lokasi pengasingan sementara untuk VVIP di Bilik VVIP KLIA/KLIA2/Kompleks Bunga Raya manakala delegasi lain di <i>booth</i> kesihatan yang ditetapkan oleh KKM. • Ujian RTK-Antigen digunakan bagi saringan kesihatan semasa ketibaan. • Sekiranya terdapat delegasi yang positif, prosedur kesihatan COVID-19 positif perlu dilaksanakan oleh KKM serta merta.
2. Tidak dibenarkan menggunakan pengangkutan awam sepanjang lawatan.	<ul style="list-style-type: none"> • Penyelarasan dengan Bahagian Istiadat JPM bagi proses diinfeksi ke atas kenderaan tetamu. • Kedutaan asing yang terlibat perlu memastikan syarikat sewaan kenderaan mematuhi SOP yang ditetapkan termasuk disinfeksi kenderaan secara berkala. • Delegasi tidak dibenarkan menyewa/menggunakan pengangkutan awam semasa berada di Malaysia.
3. Mewajibkan pemakaian pelitup muka dan penggunaan <i>hand sanitizer</i> kepada semua delegasi kecuali VVIP.	<ul style="list-style-type: none"> • Kesemua delegasi wajib memakai pelitup muka semasa ketibaan dan sepanjang lawatan berlangsung. • Delegasi digalakkan mencuci tangan dengan <i>hand sanitizer</i> secara kerap. • Agensi berkaitan perlu menyediakan pelitup muka dan <i>hand sanitizer</i> di setiap lokasi yang dilawati.
4. Menghadkan pergerakan dengan mengadakan pertemuan di lokasi-lokasi yang ditentukan sahaja dan mengamalkan penjarakan fizikal sepanjang pertemuan.	<ul style="list-style-type: none"> • Kementerian atau agensi yang terlibat perlu memastikan semua program diadakan di lokasi yang ditentukan sahaja dan tidak melebihi tiga lokasi berbeza bagi setiap lawatan, termasuk hotel penginapan delegasi. • Pergerakan delegasi rasmi adalah secara berkumpulan dengan mengamalkan SOP semasa. • Agensi yang terlibat perlu memastikan bilik penginapan untuk delegasi rasmi diasingkan daripada bilik tetamu hotel yang lain. • Proses disinfeksi di lokasi perlu dilaksanakan berpandukan SOP sedia ada.
5. Delegasi perlu membuat pemeriksaan suhu badan dan seorang wakil perlu mengimbas QR Code melalui aplikasi MySejahtera.	<ul style="list-style-type: none"> • Setiap wakil delegasi perlu membuat pengimbasan QR code. • Setiap ahli delegasi (kecuali VVIP dan pegawai pengiring terdekat) perlu menjalani pemeriksaan suhu badan di lokasi yang dilawati.



SOP LAWATAN MASUK KE MALAYSIA OLEH DELEGASI ASING

SELEPAS LAWATAN

Aktiviti yang dibenarkan

- ✓ Persediaan agensi berkaitan bagi pemantauan tahap kesihatan kepada semua delegasi sebelum penerbangan pulang,

Aktiviti yang tidak dibenarkan

- ✓ Tidak mematuhi arahan pihak berkuasa tempatan termasuk perintah kuarantin oleh pemimpin/pembesar/delegasi asing sekiranya didapati positif COVID-19

Arahan Tetap

- ✓ Akta Kawalan Penyakit Berjangkit (Akta 342).
- ✓ Arahan semasa selaras dengan KKM dan MKN.
- ✓ Peraturan-peraturan Pihak Berkuasa Tempatan.
- ✓ Konvensyen Vienna untuk Hubungan Diplomatik 1961 Artikel 41(1).

Penerangan Aktiviti Selepas Lawatan

Tindakan	Penerangan Ringkas
1. Persediaan agensi berkaitan bagi pemantauan tahap kesihatan kepada semua delegasi sebelum penerbangan pulang	• Agensi berkaitan perlu membuat persiapan saringan kesihatan di KLIA / KLIA2 bagi memastikan delegasi tidak mempunyai simptom atau gejala sebelum berlepas pulang ke negara masing-masing. Prosedur kesihatan sedia ada akan diaktifkan sekiranya terdapat delegasi bergejala yang perlu di bawa ke stesen kuarantin atau hospital.